



How to cite this article:

Mashor Awang Long & Mohamad Faisal Ahmad. (2026). Performativiti gender dan estetika ritual dalam Pemanis masyarakat Kagayan di Sabah: Analisis Jo-Ha-Kyū terhadap representasi feminin. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 4, 149–170. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2026.4.8>

**PERFORMATIVITI GENDER DAN ESTETIKA RITUAL DALAM PEMANIS
MASYARAKAT KAGAYAN DI SABAH: ANALISIS JO-HA-KYŪ
TERHADAP REPRESENTASI FEMININ**

*(Gender Performativity and Ritual Aesthetics in the Pemanis of the Kagayan Community in
Sabah: A Jo-Ha-Kyū Analysis of Feminine Representation)*

¹ Mashor Awang Long & ² Mohamad Faisal Ahmad

¹Akademi Seni Dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah (UMS)

²Fakulti Muzik dan Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

¹*Corresponding author: mashorawanglong@ums.edu.my*

Received: 30/02/2026

Revised: 08/06/2026

Accepted: 24/07/2026

Published: 31/07/2026

ABSTRAK

Kajian ini meneliti representasi feminin dalam ritual Pemanis masyarakat Kagayan di Sabah melalui analisis performativiti gender dan struktur dramatik Jo-Ha-Kyū. Walaupun ritual tradisional di Asia Tenggara sering dikaji dari sudut fungsi spiritual dan sosial, dimensi estetika dramatik serta konstruksi gender simbolik masih kurang diberikan perhatian. Kajian ini memfokuskan kepada bagaimana ombo' lelaki memanifestasikan watak wanita sebagai simbol kosmologi, keseimbangan spiritual, dan kuasa ritual dalam konteks budaya Kagayan. Kajian menggunakan pendekatan etnografi persembahan melalui pemerhatian partisipan, temu bual separa berstruktur, dan analisis audio-visual terhadap ritual yang didokumentasikan di daerah Kudat dan Semporna, Sabah. Dapatan menunjukkan bahawa representasi feminin dalam ritual berkembang secara dramatik melalui tiga fasa Jo-Ha-Kyū: permulaan yang terkawal dan sakral (Jo), perkembangan emosi dan intensiti tubuh ritual (Ha), serta pengembalian kepada keseimbangan kosmos (Kyū). Kajian ini berhujah bahawa watak wanita dalam ritual Pemanis tidak berfungsi sebagai representasi gender biologikal semata-mata, tetapi sebagai simbol performatif yang menghubungkan tubuh, spiritualiti, dan struktur sosial

komuniti. Secara teoritikal, kajian ini memperluas aplikasi Jo-Ha-Kyū ke dalam konteks ritual pribumi Borneo serta menyumbang kepada perbincangan tentang fleksibiliti gender dalam persembahan ritual Asia Tenggara.

Kata kunci: Jo-Ha-Kyū, watak wanita, ombo', ritual Pemanis, etnik Kagayan, Sabah, estetika dramatik, simbolisme gender

ABSTRACT

This study examines the representation of femininity in the Pemanis ritual of the Kagayan community in Sabah through the perspectives of gender performativity and the Jo-Ha-Kyū dramatic structure. Although traditional rituals in Southeast Asia have frequently been examined from spiritual and socio-cultural perspectives, their dramatic aesthetics and symbolic constructions of gender remain underexplored. This study focuses on how a male ombo' (ritual specialist) embodies female characters as symbolic representations of cosmology, spiritual equilibrium, and ritual authority within the Kagayan cultural tradition. Employing a performance ethnography approach, the research draws upon participant observation, semi-structured interviews, and audio-visual documentation of Pemanis rituals conducted in Kudat and Semporna, Sabah. The findings reveal that feminine representation develops progressively through the three phases of Jo-Ha-Kyū: a controlled and sacred opening (Jo), an intensification of emotional expression and ritual embodiment (Ha), and a concluding restoration of cosmological balance (Kyū). The study argues that female characters in the Pemanis ritual do not merely represent biological gender but function as performative symbols that mediate the relationship between the body, spirituality, and the social order of the Kagayan community. Theoretically, this research extends the application of the Jo-Ha-Kyū framework to the indigenous ritual traditions of Borneo and contributes to broader discussions on gender performativity, ritual aesthetics, and the fluidity of gender representation in Southeast Asian ritual performances.

Keywords: Jo-Ha-Kyū; gender performativity; female characters; ombo'; Pemanis ritual; Kagayan community; Sabah; ritual aesthetics; symbolic gender.

PENGENALAN

Ritual tradisional di Asia Tenggara semakin difahami bukan sahaja sebagai amalan spiritual, tetapi sebagai sistem performatif yang membentuk hubungan antara tubuh, simbol, dan struktur sosial komuniti. Dalam konteks masyarakat pribumi Borneo, ritual berfungsi sebagai ruang representasi budaya yang memperlihatkan bagaimana identiti, kuasa, dan kosmologi dinegosiasikan melalui tubuh persembahan. Namun demikian, kebanyakan kajian ritual di Sabah masih memberi penekanan terhadap aspek kepercayaan, penyembuhan, dan fungsi sosial, sedangkan dimensi dramatik dan performativiti gender masih kurang diterokai secara mendalam. Jika dibandingkan dengan ritual Main Puteri di Kelantan, Magduwata dalam komuniti Sama di selatan Filipina dan Seblang di Banyuwangi, Indonesia, ritual Pemanis masyarakat Kagayan berkongsi beberapa persamaan seperti penggunaan tubuh sebagai medium kepada entiti spiritual, bacaan ritual serta keadaan trans yang berkembang secara berperingkat. Walau bagaimanapun, ritual Pemanis mempunyai identiti yang tersendiri kerana sebahagian besar entiti yang dipanggil terdiri daripada tokoh-tokoh wanita legenda Nusantara, seperti Putli Santubong, Putli Sejinjang, Putli Gunung Ledang, Putli Duyung dan Rattu Pantai Selatan.

Ritual Pemanis merupakan salah satu upacara tradisi yang penting dalam masyarakat etnik Kagayan di Sabah, khususnya dalam konteks kehidupan sosial, budaya dan kepercayaan mereka (Mashor Awang Long, 2019). Ritual ini lazimnya dikendalikan oleh seorang ombo', iaitu bomoh atau pengamal ritual yang berperanan sebagai penghubung antara dunia manusia dengan alam spiritual. Keunikan ritual ini terletak pada hakikat bahawa ombo' yang mengetuai ritual kebanyakannya terdiri daripada lelaki, namun sepanjang proses ritual berlangsung mereka mempersembahkan pelbagai watak dan perwatakan wanita seperti Putli Santubong, Putli Sejinjang, Putli Gunung Ledang, Putli Duyung, Rattu Pantai Selatan, Arung Salamiah dan Rayang. Perubahan identiti ini dizahirkan melalui transformasi vokal, gerak tubuh, ekspresi wajah, intonasi suara dan penggunaan ruang persembahan sehingga membentuk representasi feminin yang meyakinkan. Dalam perspektif masyarakat Kagayan, perubahan tersebut bukan dianggap sebagai lakonan semata-mata, tetapi dipercayai berlaku hasil penyebatian semangat yang memasuki tubuh ombo' melalui proses ritual. Namun, daripada perspektif kajian persembahan, keadaan ini memperlihatkan bagaimana tubuh lelaki berfungsi sebagai medium budaya yang mempersembahkan identiti feminin secara simbolik dan performatif (Butler, 1990; Schechner, 2013).

Kedudukan watak wanita dalam ritual Pemanis tidak boleh difahami berdasarkan kategori gender biologi semata-mata, sebaliknya perlu dilihat sebagai suatu bentuk representasi budaya yang membawa makna kosmologi, sosial dan estetika (Mashor Awang Long, 2019). Dalam tradisi Kagayan, figur wanita melambangkan keseimbangan antara alam manusia dengan alam spiritual, di samping menjadi simbol kecantikan, kesuburan, kesetiaan, kebijaksanaan, perlindungan dan kekuatan spiritual. Justeru, walaupun tubuh yang mempersembahkan watak tersebut ialah tubuh lelaki, identiti feminin yang dibentuk melalui ritual tidak bertujuan mengubah identiti jantina ombo', tetapi berfungsi sebagai medium bagi menzahirkan sifat, kuasa dan peranan setiap entiti spiritual. Fenomena ini selari dengan konsep performativiti gender yang menjelaskan bahawa identiti gender dibentuk melalui pengulangan tindakan, gerak tubuh, bahasa dan simbol budaya, bukannya ditentukan semata-mata oleh faktor biologi (Butler, 1990). Dalam konteks ritual Pemanis, tubuh ombo' menjadi ruang performatif yang membolehkan identiti feminin diwujudkan dan diterima sebagai sebahagian daripada struktur ritual masyarakat Kagayan.

Dari sudut teori estetika, kajian ini mengaplikasikan kerangka Jo-Ha-Kyū yang berasal daripada tradisi seni persembahan Jepun seperti Noh dan gagaku. Prinsip Jo-Ha-Kyū menstrukturkan perjalanan dramatik kepada tiga fasa utama, iaitu Jo sebagai permulaan yang perlahan dan penuh persediaan, Ha sebagai tahap perkembangan yang memperlihatkan peningkatan konflik dan intensiti emosi, serta Kyū sebagai penutup yang membawa kepada penyelesaian dan pengembalian keseimbangan. Dalam konteks ritual Pemanis, kerangka ini digunakan untuk meneliti perkembangan dramatik watak-watak wanita yang dimainkan oleh ombo', khususnya melalui perubahan emosi, simbolisme, dan estetika persembahan sepanjang ritual berlangsung. Pengaplikasian Jo-Ha-Kyū dalam kajian ini turut membuka ruang kepada perspektif baharu yang menghubungkan estetika Asia Timur dengan budaya ritual masyarakat pribumi Borneo. Walaupun konsep ini berasal daripada tradisi Jepun, sifatnya yang universal membolehkan ia digunakan untuk memahami struktur dramatik dalam pelbagai bentuk seni persembahan tradisional. Oleh itu, ritual Pemanis bukan sahaja dapat dilihat sebagai amalan spiritual dan budaya, tetapi juga sebagai bentuk persembahan dramatik yang mempunyai susunan naratif dan estetika tersendiri. Pada masa yang sama, kewujudan watak wanita yang dilakonan oleh lelaki dalam ritual ini turut mencabar pemahaman konvensional terhadap gender. Hal ini memperlihatkan bahawa gender dalam konteks ritual tidak hanya difahami berdasarkan aspek biologi, tetapi juga sebagai simbol kuasa, keseimbangan, dan representasi budaya. Peranan ombo' sebagai penggerak watak wanita menunjukkan bagaimana seni tradisi mampu melampaui batas fizikal dengan menjadikan simbol feminin sebagai asas kepada keseimbangan kosmos dalam ritual Pemanis.

Keunikan ini menunjukkan bahawa ritual Pemanis bukan sekadar bertujuan memperoleh kecantikan atau seri wajah, tetapi turut membentuk konsep feminin masyarakat Kagayan melalui representasi wanita yang

cantik, berwibawa, berkarisma dan memiliki kekuatan spiritual. Oleh itu, ritual ini memperlihatkan gabungan antara kepercayaan tradisional, estetika persembahan dan identiti budaya yang membezakannya daripada ritual trans lain di Asia Tenggara. Perbandingan ini turut mengukuhkan bahawa teori Jo-Ha-Kyū sesuai digunakan kerana ia mampu menjelaskan perkembangan dramatik yang berlaku sepanjang proses ritual, tanpa mengabaikan konteks budaya tempatan. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan meneliti secara mendalam bagaimana watak dan perwatakan wanita dalam ritual Pemanis dibentuk, dikembangkan, dan ditutup melalui lensa Jo-Ha-Kyū. Dengan memberi fokus kepada tujuh watak utama yang muncul dalam ritual, kajian ini diharapkan dapat memperlihatkan bukan sahaja estetika dramatik, tetapi juga nilai spiritual, sosial, dan budaya yang terkandung dalam tradisi Kagayan di Sabah.

SOROTAN LITERATUR

Kajian mengenai ritual tradisional di Asia Tenggara umumnya memberi perhatian terhadap fungsi spiritual, penyembuhan, dan hubungan komuniti dengan alam ghaib (Turner, 1982; Kapferer, 2005). Dalam konteks Sabah, ritual masyarakat peribumi seperti Kadazan-Dusun, Bajau, dan Murut sering dibincangkan sebagai mekanisme pengukuhan identiti sosial, penyucian, dan kesinambungan adat budaya (Rahman, 2016; Abdul Aziz, 2018). Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian tersebut lebih menumpukan kepada aspek antropologi dan fungsi ritual, sedangkan dimensi dramatik serta estetika persembahan masih kurang dianalisis secara mendalam. Hal ini menunjukkan bahawa ritual sering dilihat sebagai amalan budaya semata-mata, bukan sebagai bentuk persembahan dramatik yang mempunyai struktur estetik dan simboliknya tersendiri.

Ritual sebagai Persembahan Budaya

Ritual bukan sekadar amalan keagamaan atau kepercayaan tradisional, tetapi merupakan suatu sistem budaya yang menghubungkan manusia dengan alam sosial, spiritual dan kosmologi. Dalam kajian antropologi, ritual dilihat sebagai mekanisme yang mengekalkan keseimbangan masyarakat melalui tindakan simbolik, proses peralihan sosial dan pembentukan identiti komuniti (Turner, 1969, 1982). Richard Schechner (2013) pula menegaskan bahawa ritual merupakan salah satu bentuk cultural performance yang menggunakan tubuh, ruang, masa, simbol dan tindakan berulang (restored behavior) bagi menghasilkan makna budaya. Melalui perspektif ini, ritual tidak hanya berfungsi sebagai medium komunikasi dengan alam spiritual, tetapi juga sebagai ruang pembentukan identiti sosial, emosi dan budaya.

Perkembangan bidang *Performance Studies* turut memperlihatkan bahawa ritual mempunyai struktur dramatik yang boleh dianalisis sebagaimana sesebuah persembahan teater. Oleh itu, ritual harus difahami bukan sahaja daripada aspek fungsi spiritual, tetapi juga daripada aspek estetika, dramaturgi dan performativiti yang membentuk pengalaman budaya masyarakat (Schechner, 2013).

Kajian Ritual di Sabah dan Asia Tenggara

Kajian ritual di Sabah kebanyakannya memberi tumpuan kepada aspek penyembuhan, hubungan manusia dengan alam ghaib dan fungsi sosial dalam komuniti. Mohd Kipli Abdul Rahman (2012, 2018) menunjukkan bahawa ritual masyarakat Bajau seperti Igal Panangsang, Ngalai Berasyik dan beberapa ritual tradisional lain memperlihatkan gabungan unsur muzik, tarian, tubuh dan keadaan trans sebagai medium komunikasi dengan dunia spiritual. Antara fungsi utama ritual tradisional di Sabah juga adalah sebagai medium pemeliharaan identiti budaya, hubungan sosial dan kesinambungan warisan masyarakat.

Di peringkat Asia Tenggara, ritual seperti Main Puteri di Kelantan, Magduwata dalam komuniti Sama di selatan Filipina dan Seblang di Banyuwangi, Indonesia memperlihatkan penggunaan tubuh sebagai medium kepada entiti spiritual melalui bacaan ritual, muzik dan keadaan trans (Turner, 1982; Schechner, 2013). Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian terdahulu lebih menekankan fungsi penyembuhan, liminaliti dan sistem kepercayaan, sedangkan dimensi estetika dramatik, representasi feminin dan performativiti gender masih kurang diberikan perhatian.

Performativiti Gender dalam Ritual

Perbincangan mengenai gender dalam kajian budaya berkembang secara signifikan melalui konsep gender performativity yang diperkenalkan oleh Judith Butler (1990). Butler berhujah bahawa gender bukanlah identiti yang bersifat semula jadi atau ditentukan oleh biologi semata-mata, tetapi dibentuk melalui pengulangan tindakan, bahasa, gerak tubuh dan amalan budaya yang diinstitusikan dalam masyarakat. Dalam perspektif ini, tubuh menjadi medium utama yang menghasilkan makna gender melalui tindakan performatif yang berulang.

Konsep tersebut amat relevan dalam ritual Pemanis masyarakat Kagayan kerana ombo' yang terdiri daripada lelaki mempersembahkan watak-watak wanita seperti Putli Santubong, Putli Sejinjang, Putli Gunung Ledang, Putli Duyung, Arung Salamiah, Rayang dan Rattu Pantai Selatan. Representasi feminin tersebut tidak bertujuan menukar identiti biologikal ombo', sebaliknya menjadi simbol kecantikan, kesuburan, kesetiaan, kewibawaan dan keseimbangan kosmos yang diwujudkan melalui vokal, gerak tubuh, ekspresi wajah dan simbol ritual. Oleh itu, tubuh ombo' berfungsi sebagai ruang performatif yang memperlihatkan bagaimana identiti feminin dibentuk dan dimaknai dalam konteks budaya Kagayan (Butler, 1990; Schechner, 2013).

Teori Jo-Ha-Kyū

Konsep Jo-Ha-Kyū diperkenalkan oleh Zeami Motokiyo melalui tradisi teater Noh sebagai prinsip asas perkembangan dramatik. Dari sudut estetika persembahan Asia, konsep Jo-Ha-Kyū yang diperkenalkan oleh Zeami (1984) menjadi asas penting dalam memahami ritma dramatik persembahan tradisional Jepun. Struktur Jo-Ha-Kyū membahagikan persembahan kepada tiga tahap utama, iaitu Jo sebagai pembukaan yang perlahan dan terkawal, Ha sebagai perkembangan dramatik yang semakin intensif, dan Kyū sebagai penutup yang pantas serta membawa kepada keseimbangan semula. Suzuki (2002) menjelaskan bahawa prinsip ini bukan sahaja digunakan dalam teater Noh, tetapi juga dalam muzik, tarian, dan seni bela diri Jepun. Walaupun Jo-Ha-Kyū telah banyak diaplikasikan dalam kajian seni persembahan Asia Timur, penggunaannya dalam konteks ritual masyarakat pribumi Asia Tenggara masih sangat minimum. Secara khususnya, belum terdapat kajian yang mengaplikasikan Jo-Ha-Kyū untuk menganalisis struktur dramatik ritual Pemanis masyarakat Kagayan di Sabah.

Jurang Kajian

Sorotan literatur menunjukkan bahawa kajian terdahulu banyak membincangkan ritual daripada perspektif antropologi, penyembuhan dan fungsi sosial (Turner, 1969; Schechner, 2013). Kajian di Sabah pula lebih tertumpu kepada ritual masyarakat Bajau dan Kadazandusun serta aspek warisan budaya (Mohd Kipli Abdul Rahman, 2018). Namun demikian, kajian mengenai ritual Pemanis masyarakat Kagayan masih sangat terhad, khususnya dalam aspek representasi watak wanita, performativiti gender dan struktur dramatik ritual.

Selain itu, walaupun teori Jo–Ha–Kyū telah digunakan secara meluas dalam kajian teater Jepun, aplikasinya terhadap ritual pribumi di Borneo hampir tidak pernah dibincangkan. Begitu juga, penggunaan konsep gender performativity dalam menganalisis transformasi tubuh ombo' lelaki yang mempersembahkan watak-watak wanita masih kurang diterokai dalam kajian ritual Asia Tenggara. Oleh itu, kajian ini mengisi jurang tersebut dengan menggabungkan pendekatan etnografi persembahan, teori performativiti gender dan Jo–Ha–Kyū bagi menganalisis representasi feminin dalam ritual Pemanis masyarakat Kagayan di Sabah.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian mengenai ritual tradisional di Asia Tenggara telah berkembang dalam bidang antropologi, sosiologi dan kajian budaya dengan memberi tumpuan kepada fungsi ritual sebagai medium penyembuhan, sistem kepercayaan, hubungan manusia dengan alam spiritual serta pemeliharaan identiti budaya (Turner, 1969, 1982; Schechner, 2013). Dalam konteks Sabah, penyelidikan terdahulu turut membincangkan ritual masyarakat peribumi sebagai medium yang mengekalkan kesinambungan adat, mengukuhkan hubungan sosial dan memperkukuhkan sistem kepercayaan komuniti (Mohd Kipli Abdul Rahman, 2018). Namun demikian, penyelidikan berkaitan ritual Pemanis masyarakat Kagayan masih sangat terhad, khususnya yang meneliti pembentukan watak dan perwatakan yang muncul sepanjang ritual berlangsung.

Ritual Pemanis memperlihatkan kemunculan beberapa watak wanita seperti Putli Santubong, Putli Sejinjang, Putli Gunung Ledang, Putli Duyung, Arung Salamiah, Rayang dan Rattu Pantai Selatan yang dipersembahkan oleh seorang ombo' lelaki. Walaupun watak-watak tersebut menjadi elemen penting dalam keseluruhan ritual, penyelidikan terdahulu masih belum menjelaskan bagaimana identiti feminin tersebut dibentuk melalui perubahan vokal, gerak tubuh, ekspresi wajah, penggunaan ruang dan keadaan trans. Akibatnya, representasi watak wanita dalam ritual Pemanis lebih banyak difahami sebagai sebahagian daripada kepercayaan masyarakat, sedangkan proses pembentukan identiti watak melalui tubuh ombo' masih belum dihuraikan secara sistematik.

Selain itu, dimensi performativiti gender dalam ritual tradisional juga masih kurang diberikan perhatian. Kebanyakan kajian mengenai gender lebih menumpukan kepada peranan sosial lelaki dan wanita atau identiti gender dalam kehidupan masyarakat, sedangkan fenomena ombo' lelaki yang mempersembahkan watak-watak wanita sebagai manifestasi entiti spiritual belum dianalisis secara mendalam. Dalam konteks ritual Pemanis, tubuh ombo' bukan sekadar menjadi medium kepada kemasukan semangat, tetapi turut membentuk representasi feminin yang membawa makna kecantikan, kesuburan, kesetiaan, kewibawaan dan keseimbangan kosmos. Fenomena ini menunjukkan bahawa identiti feminin dalam ritual dibentuk melalui tindakan performatif dan simbol budaya, bukannya ditentukan oleh jantina biologi semata-mata (Butler, 1990; Schechner, 2013).

Dari sudut teori, penggunaan Jo–Ha–Kyū dalam penyelidikan ritual masyarakat pribumi di Malaysia juga masih belum diterokai secara meluas. Walaupun teori ini telah diaplikasikan dalam analisis teater Noh Jepun dan pelbagai bentuk seni persembahan Asia (Zeami, 1984; Suzuki, 2002), penggunaannya sebagai kerangka untuk menjelaskan perkembangan dramatik watak dalam ritual tradisional masyarakat pribumi Borneo masih belum dibincangkan secara khusus. Keadaan ini menyebabkan proses perkembangan watak daripada fasa Jo, Ha hingga Kyū dalam ritual Pemanis belum pernah dianalisis secara sistematik.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengaplikasikan etnografi persembahan (performance ethnography) sebagai reka bentuk penyelidikan bagi memahami ritual Pemanis daripada perspektif masyarakat Kagayan sendiri. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia membolehkan penyelidik memperoleh pemahaman yang mendalam terhadap pengalaman, kepercayaan, amalan dan makna yang diberikan oleh komuniti terhadap ritual Pemanis. Melalui pendekatan etnografi persembahan, ritual diteliti bukan sahaja sebagai suatu bentuk kepercayaan tradisional, tetapi juga sebagai sebuah peristiwa budaya yang memperlihatkan hubungan antara tubuh, ruang, vokal, emosi dan simbolisme dalam kehidupan masyarakat.

Kerja lapangan telah dijalankan secara berperingkat antara tahun 2024 hingga 2026 di lima buah perkampungan masyarakat Kagayan, iaitu Kampung Landung Ayang, Kampung Limau-Limauan dan Kampung Perapat Laut di daerah Kudat, serta Kampung Simunul dan Kampung Bangau-Bangau di daerah Semporna, Sabah. Sepanjang tempoh kajian, penyelidik telah menghadiri lapan sesi ritual Pemanis Karunia melalui kaedah pemerhatian langsung (observation) dan pemerhatian turut serta (participant observation). Selain itu, penyelidik turut menjalankan temu bual mendalam (in-depth interviews) dengan 10 orang informan yang terdiri daripada ombo', ketua kampung, pengamal budaya dan penduduk setempat bagi mendapatkan maklumat berkaitan pelaksanaan ritual, makna simbolik serta representasi watak dan perwatakan dalam ritual Pemanis.

Pemanis Karunia

Kajian ini memberi tumpuan khusus kepada Pemanis Karunia, iaitu salah satu daripada beberapa jenis ritual Pemanis yang diamalkan oleh masyarakat etnik Kagayan di Sabah. Pemilihan ritual ini didasarkan kepada keunikannya yang memperlihatkan kemunculan pelbagai watak dan perwatakan wanita sepanjang proses ritual berlangsung, sekali gus menjadikannya konteks yang paling sesuai untuk menganalisis representasi feminin melalui perspektif performativiti gender dan teori Jo-Ha-Kyū.

Hasil temu bual turut mengukuhkan dapatan pemerhatian lapangan. Menurut Encik Khomar Ali, yang merupakan ombo' utama dalam kajian ini, ritual Pemanis Karunia merupakan ritual yang paling banyak menghadirkan watak-watak spiritual berbanding ritual Pemanis yang lain. Beliau menjelaskan bahawa setiap watak mempunyai sifat, gerak tubuh dan peranan yang tersendiri bergantung kepada semangat yang hadir semasa ritual berlangsung. Dalam masyarakat Kagayan, Pemanis Karunia dipercayai berfungsi untuk meningkatkan aura, seri wajah, karisma dan daya tarikan diri seseorang. Ritual ini dikendalikan oleh seorang ombo', iaitu pengamal ritual yang berperanan sebagai perantara antara alam manusia dengan alam spiritual. Berdasarkan kepercayaan masyarakat setempat, entiti spiritual yang dipanggil melalui ritual ini akan memberikan karunia pemanis kepada individu yang menjalani ritual sebagai usaha memperkukuhkan keyakinan diri serta menyerlahkan daya tarikan peribadi.

Pelaksanaan ritual bermula apabila ombo' meminta pesakit menyediakan beberapa kelengkapan ritual mengikut keperluan upacara. Kelengkapan tersebut lazimnya terdiri daripada bahan-bahan yang mempunyai nilai simbolik seperti alat tatarias, wangian dan bahan ritual lain yang dipercayai membantu melancarkan proses pemanggilan entiti spiritual. Setelah persediaan selesai, ombo' akan menentukan kaedah penyampaian karunia berdasarkan tujuan ritual dan keperluan pesakit. Secara umumnya, terdapat dua bentuk pengurniaan dalam ritual Pemanis Karunia. Pertama, pemanis disebatikan ke dalam alat tatarias harian seperti bedak, minyak wangi atau bahan kecantikan lain yang digunakan oleh pesakit secara berterusan. Kedua, pemanis dikurniakan secara langsung ke dalam tubuh pesakit melalui bacaan mantera dan proses ritual yang dikendalikan oleh ombo'. Dalam kaedah kedua ini, ombo' bertindak sebagai medium

yang menghubungkan pesakit dengan alam spiritual sehingga berlaku penyebatian entiti yang dipercayai dapat memberikan kesan kepada aura dan daya tarikan individu.

Jadual 1

Proses Sebenar Ritual Pemanis Berlaku Yang Dipimpin Oleh Seorang Ombo' Sebagai Perantara Antara Alam Manusia Dengan Alam Spiritual.

Fasa 1	Fasa 2	Fasa 3
		
Fasa pertama merupakan peringkat permulaan yang menandakan proses persediaan ritual sebelum berlakunya penyebatian semangat ke dalam tubuh ombo'. Pada tahap ini, ombo' berada dalam keadaan sedar sepenuhnya dan mengawal setiap pergerakan tubuhnya. Ritual dimulakan dengan penyediaan bahan-bahan ritual seperti alat tatarias, wangian, bunga-bunga dan kelengkapan lain yang mempunyai nilai simbolik mengikut kepercayaan masyarakat Kagayan. Selepas itu, ombo' duduk bersila sambil membaca mantera dalam nada yang perlahan dan berulang-ulang bagi membuka ruang komunikasi antara alam manusia dengan alam spiritual. Dari sudut performatif, gerakan tubuh masih minimum, pernafasan stabil, pandangan mata lebih banyak tertunduk dan ekspresi wajah memperlihatkan ketenangan. Walaupun belum berlaku penyebatian semangat, tubuh ombo' mula menunjukkan perubahan kecil seperti pergerakan jari, bahu dan kepala mengikut ritma bacaan mantera.	Fasa kedua merupakan tahap perkembangan yang memperlihatkan perubahan paling ketara dalam keseluruhan ritual. Pada peringkat ini, bacaan mantera menjadi lebih berintensiti, pernafasan ombo' berubah dan ketegangan otot mula kelihatan pada bahagian bahu, tangan dan wajah. Menurut kepercayaan masyarakat Kagayan, perubahan ini menandakan bahawa entiti spiritual telah mula menyebati dan menguasai tubuh ombo'. Transformasi tubuh berlaku secara beransur-ansur melalui perubahan vokal, gerak tubuh, ekspresi wajah dan tingkah laku mengikut identiti entiti yang hadir. Walaupun ombo' ialah seorang lelaki, tubuhnya menjadi medium representasi feminin melalui tindakan performatif yang menampilkan sifat, emosi dan karakter setiap watak wanita.	Fasa ketiga menandakan penutupan ritual apabila entiti spiritual mula mengundurkan diri daripada tubuh ombo'. Selepas mencapai kemuncak trans, bacaan mantera diperlahankan dan intensiti gerakan tubuh semakin berkurangan. Pernafasan kembali stabil, ketegangan otot mula mengendur dan ekspresi wajah beransur-ansur kembali kepada keadaan asal. Perubahan ini menunjukkan bahawa penguasaan semangat terhadap tubuh ombo' semakin berakhir. Dalam kebanyakan pemerhatian, tubuh ombo' menjadi semakin lemah sebelum akhirnya rebah atau tidak sedarkan diri buat sementara waktu. Keadaan ini dipercayai sebagai tanda bahawa proses penyebatian semangat telah selesai dan hubungan antara alam spiritual dengan alam manusia telah ditamatkan. Setelah ombo' kembali sedar, ritual dianggap sempurna dan keseimbangan antara manusia, alam spiritual dan tujuan ritual berjaya dipulihkan.

Menurut kepercayaan masyarakat Kagayan, entiti spiritual yang hadir dalam Pemanis Karunia tidak bersifat tetap, sebaliknya bergantung kepada tujuan ritual dan keperluan individu yang mendapatkan pemanis karunia. Setiap entiti memiliki identiti, sifat dan peranan yang berbeza, yang kemudiannya dizahirkan melalui perubahan vokal, gerak tubuh, ekspresi wajah, tingkah laku dan emosi ombo' sepanjang ritual berlangsung. Perubahan ini membentuk representasi watak-watak wanita yang menjadi fokus utama kajian. Oleh itu, kajian ini tidak membincangkan keseluruhan bentuk ritual Pemanis, sebaliknya memfokuskan kepada Pemanis Karunia kerana ritual ini memperlihatkan perkembangan watak dan perwatakan wanita yang paling dominan serta mempunyai struktur dramatik yang jelas. Ciri-ciri tersebut membolehkan ritual ini dianalisis secara sistematik menggunakan teori Jo-Ha-Kyū bagi memahami perkembangan watak daripada fasa Jo, Ha hingga Kyū, di samping menjelaskan bagaimana ombo' lelaki membentuk representasi feminin melalui tubuh ritual sebagai sebahagian daripada sistem kepercayaan masyarakat Kagayan.

Keunikan ritual Pemanis yang diperhatikan sepanjang kerja lapangan ialah kebanyakan ombo' yang mengetuai ritual terdiri daripada lelaki, namun mereka mempersembahkan watak-watak feminin seperti Putli Santubong, Putli Sejinjang, Arung Salamiah, Putli Duyung dan Rattu Pantai Selatan. Berdasarkan pemerhatian, perubahan identiti tersebut dizahirkan melalui kawalan vokal, ekspresi wajah, gerak tubuh, postur dan penggunaan ruang persembahan yang menampilkan ciri-ciri kewanitaan. Walaupun dalam kepercayaan masyarakat Kagayan perubahan ini dianggap berlaku hasil penyebatan semangat yang memasuki tubuh ombo', daripada perspektif etnografi persembahan ia turut memperlihatkan bagaimana tubuh lelaki menjadi medium yang secara sedar membentuk representasi feminin melalui konvensi ritual yang diwarisi. Dengan kata lain, ombo' mengetahui identiti entiti yang sedang dipersembahkan dan menyesuaikan vokal, gerakan serta ekspresi mengikut sifat watak tersebut. Pemerhatian ini penting kerana menunjukkan bahawa performativiti gender dalam ritual Pemanis bukan bertujuan menukar identiti jantina ombo', sebaliknya merupakan satu bentuk representasi budaya yang membolehkan sifat, keperibadian dan kuasa spiritual setiap entiti wanita dizahirkan melalui tubuh pengamal ritual.

Daripada perspektif teori Jo-Ha-Kyū, keseluruhan ritual memperlihatkan perkembangan dramatik yang tersusun. Struktur Jo-Ha-Kyū memperlihatkan bahawa ritual Pemanis berkembang mengikut prinsip dramatik yang sama seperti yang diuraikan oleh Zeami, iaitu bermula dengan pembukaan yang terkawal, berkembang kepada kemuncak yang dinamik dan berakhir dengan penyelesaian yang mengembalikan keseimbangan. Proses transformasi yang bertahap ini memperkukuh penggunaan teori Jo-Ha-Kyū sebagai kerangka untuk menjelaskan perkembangan dramatik dan performativiti gender dalam ritual Pemanis masyarakat Kagayan.

DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

Dapatan kajian memperlihatkan bahawa ritual Pemanis masyarakat Kagayan bukan sekadar amalan spiritual untuk memperoleh seri dan kecantikan, tetapi merupakan sebuah persembahan ritual yang mengandungi struktur dramatik, simbolisme budaya dan representasi gender yang kompleks. Berdasarkan data etnografi, tujuh watak wanita yang dipersembahkan oleh ombo' lelaki berkembang secara bertahap melalui fasa Jo (permulaan), Ha (perkembangan) dan Kyū (penutup), sekali gus memperlihatkan bagaimana tubuh, vokal, emosi dan gerak persembahan menjadi medium utama dalam membentuk identiti feminin serta menyampaikan makna budaya dalam masyarakat Kagayan.

Putli Santubong

Putli Santubong merupakan watak legenda yang sangat terkenal dalam cerita rakyat Sarawak, khususnya di kawasan Santubong berhampiran Gunung Santubong. Beliau sering dipasangkan dengan Putli Sejinjang dalam naratif yang menjelaskan asal-usul Gunung Santubong dan Gunung Sejinjang. Walaupun terdapat beberapa versi cerita, unsur utama legenda ini tetap menampilkan Putli Santubong sebagai lambang kecantikan, kebijaksanaan dan kemahiran wanita. Kecantikan yang dimiliki oleh Putli Santubong bukan sekadar merujuk kepada keindahan fizikal, tetapi turut merangkumi kehalusan budi pekerti, kelembutan tutur kata, kesopanan tingkah laku serta keanggunan dalam setiap perlakuannya. Dalam tradisi masyarakat Melayu, kecantikan sedemikian dianggap sebagai kecantikan yang menyeluruh kerana menggabungkan aspek zahir dan batin, sekali gus mencerminkan nilai kesempurnaan seorang wanita.

Dalam konteks ritual pemanis masyarakat Kagayan di Sabah, representasi Putli Santubong turut memperlihatkan simbol kecantikan ideal yang dihasratkan oleh peserta ritual. Kejelitaan watak ini diterjemahkan melalui gerak tubuh yang lembut, ekspresi wajah yang tenang, intonasi suara yang halus serta penguasaan emosi yang terkawal sepanjang persembahan ritual. Unsur-unsur tersebut bukan sahaja membentuk imej wanita yang anggun, malah melambangkan daya tarikan, karisma dan aura positif yang dipercayai mampu mempengaruhi hubungan sosial, memperkukuhkan keyakinan diri serta menarik perhatian orang di sekeliling. Oleh itu, kecantikan Putli Santubong dalam ritual pemanis tidak hanya berfungsi sebagai estetika persembahan, tetapi menjadi simbol penyatuan antara keindahan fizikal, kehalusan peribadi dan kekuatan spiritual yang membentuk konsep kecantikan wanita menurut kepercayaan masyarakat Kagayan.

Jadual 2

Analisis Watak Dan Perwatakan Putli Santubong Dalam Ritual Pemanis

Jo (Permulaan)	
	Ritual dimulakan apabila ombo' atau bomoh duduk bersila dengan tulang belakang tegak sambil mengangkat tangan kanan sebagai tanda penghormatan kepada entiti Putli Santubong. Bacaan mantera dilafazkan menggunakan nada yang perlahan, lembut dan hampir berbisik. Pada tahap ini, pernafasan masih stabil, otot tubuh berada dalam keadaan relaks dan pandangan mata lebih banyak ditundukkan sebagai lambang kerendahan diri. Gerakan hanya tertumpu pada pergelangan tangan dan jari yang bergerak perlahan mengikut irama bacaan mantera. Fasa ini berfungsi sebagai proses membuka ruang komunikasi antara dunia manusia dengan alam spiritual.
Ha (Perkembangan)	



Peralihan daripada Jo ke Ha berlaku secara beransur-ansur apabila tempo bacaan mantera semakin meningkat dan pernafasan ombo' menjadi lebih berat serta tidak sekata. Bahu mula bergerak mengikut rentak bacaan mantera, diikuti oleh lengan dan keseluruhan badan. Jari yang pada awalnya bergerak perlahan berubah menjadi lebih tegang dan membentuk isyarat tertentu. Kepala mula terangkat, mata tidak lagi tertunduk tetapi memandang jauh seolah-olah memberi respons terhadap kehadiran entiti. Pada tahap ini masyarakat percaya semangat Putli Santubong mula memasuki tubuh ombo'. Penguasaan semangat berlaku sedikit demi sedikit sehingga gerakan menjadi lebih besar, agresif dan spontan, namun ekspresi wajah masih mengekalkan kelembutan dan sifat pemalu. Pertembungan antara kekuatan fizikal dengan kelembutan wajah melambangkan kuasa feminin yang tersembunyi.

Kyū (Penutup)




Transisi daripada Ha ke Kyū bermula apabila bacaan mantera diperlahankan secara beransur-ansur dan intensiti gerakan tubuh mula menurun. Nafas yang pada mulanya deras kembali perlahan, ketegangan otot semakin berkurangan dan pergerakan tangan menjadi lebih kecil. Kepala kembali tunduk sebagai tanda penghormatan sebelum tubuh perlahan-lahan merebah ke hadapan sehingga posisi sujud. Pada saat ini dipercayai semangat Putli Santubong meninggalkan tubuh ombo'. Keseluruhan tubuh menjadi lemah, mata tertutup dan ombo' akhirnya tidak sedarkan diri. Penurunan intensiti ini melengkapkan struktur Jo-Ha-Kyū apabila ritual berakhir dalam keadaan tenang dan seimbang.

Arung Salamiah

Arung Salamiah dikenali sebagai penari igal-igal yang berkarisma, dan legenda tentangnya masih hidup dalam masyarakat Bajau. Dalam ritual Pemanis, watak ini dihadirkan dengan vokal halus, lembut, serta disertai ketawa kecil yang berulang-ulang. Suara tersebut bukan sahaja menzahirkan kewanitaan, tetapi juga membangkitkan suasana mesra dan menggoda, seolah-olah menarik penonton untuk menyertai dunia yang dilakonkannya. Emosi yang ditonjolkan adalah ketenangan, yang tercermin dalam mimik wajah dan pergerakan tubuh. Ombo' menampilkan pergerakan gemalai seakan-akan sedang menari, dengan liuk lentok badan yang menyerupai gaya igal-igal. Hal ini bukan sekadar penggambaran fizikal, tetapi membawa makna bahawa tarian adalah bahasa tubuh wanita untuk menzahirkan isi hati sama ada kegembiraan, kesedihan, atau kerinduan. Watak Arung Salamiah dalam ritual ini juga mempamerkan aura wanita ideal masyarakat tradisional: cantik, lembut, dan penuh daya tarikan.

Jadual 3

Analisis Watak Dan Perwatakan Arung Salariah Dalam Ritual Pemanis

Jo (Permulaan)	
	Ritual bermula dengan bacaan mantera yang dilafazkan secara perlahan menggunakan vokal yang lembut dan santun. Tubuh ombo' berada dalam keadaan stabil dengan gerakan minimum, manakala ekspresi wajah memperlihatkan kelembutan seorang wanita. Setiap pergerakan tangan dilakukan secara perlahan bagi mewujudkan hubungan awal dengan entiti spiritual.
Ha (Perkembangan)	
	Perubahan kepada Ha berlaku apabila bacaan mantera semakin panjang dan berulang-ulang sehingga menghasilkan ritma yang konsisten. Pernafasan menjadi lebih cepat, bahu dan dada mula bergerak mengikut rentak bacaan mantera. Tubuh perlahan-lahan berayun sebelum berubah kepada gerakan yang lebih besar dan lentur. Pada ketika ini semangat Arung Salariah dipercayai telah mengambil alih sebahagian besar kawalan tubuh ombo'. Walaupun gerakan semakin dinamik, wajah masih tenang dan tersenyum kecil, menggambarkan keseimbangan antara kelembutan dan kekuatan spiritual.
Kyū (Penutup)	
	Transisi ke fasa Kyū bermula apabila bacaan mantera diperlahankan secara beransur-ansur, menandakan proses pengunduran semangat Arung Salariah daripada tubuh ombo' atau bomoh. Gerakan tubuh yang sebelum ini lentur, dinamik dan menguasai ruang ritual semakin mengecil, sementara ayunan tangan menjadi lebih perlahan sehingga akhirnya berhenti sepenuhnya. Pernafasan yang pada fasa Ha lebih berat dan pantas kembali stabil, diikuti dengan kelonggaran otot pada bahagian bahu, lengan dan leher yang menyebabkan tubuh kelihatan semakin lemah. Ekspresi wajah yang sebelum ini memancarkan aura anggun dan berwibawa berubah menjadi lebih tenang dengan senyuman kecil, manakala pandangan mata perlahan-lahan tertunduk dan akhirnya terpejam. Perubahan ini memperlihatkan

bahawa penguasaan semangat terhadap tubuh ombo' semakin berkurangan sebelum meninggalkannya sepenuhnya. Setelah semangat keluar daripada tubuh, ombo' kehilangan tenaga, tubuhnya menjadi longlai dan akhirnya tidak sedarkan diri. Fasa ini melengkapkan struktur Kyū sebagai penutup ritual yang mengembalikan keseimbangan antara alam manusia dengan alam spiritual, sekali gus menandakan penyempurnaan keseluruhan proses ritual.

Putli Gunung Ledang

Watak Putli Gunung Ledang, yang sudah terkenal dalam sejarah Johor-Melaka, hadir dalam ritual Pemanis dengan imej kewanitaan yang bercampur antara kelembutan dan ketegasan. Vokalnya masih halus, tetapi berbeza dengan Putli Santubong dan Arung Salamiah kerana terdapat nada tegas yang terselit. Hal ini menunjukkan bahawa Putli Gunung Ledang tidak sekadar puteri bangsawan, tetapi juga sosok yang berdaulat dan berkuasa menentukan nasibnya sendiri. Dari segi emosi, ketenangan tetap menjadi ciri utama, melambangkan kebijaksanaan seorang wanita yang matang dan berhati-hati dalam setiap tindakannya. Namun, gerakan tubuh yang dilakukan oleh ombo' agak kasar, dengan raut wajah yang tegas dan gerakan tangan yang tangkas. Walaupun begitu, kelentikan jari-jemarinya masih mencerminkan sifat kewanitaan yang halus. Keseluruhan perwatakan ini membayangkan seorang wanita yang memiliki keseimbangan antara kuasa dan kelembutan. Dalam konteks ritual Pemanis, Putli Gunung Ledang menjadi simbol kekuatan rohani seorang wanita, iaitu mampu mengekalkan maruah diri walaupun dalam ruang yang penuh dengan cabaran spiritual.

Jadual 4

Analisis Watak Dan Perwatakan Putli Gunung Ledang Dalam Ritual Pemanis

Jo (Permulaan)	
	Bacaan mantera dimulakan dengan nada perlahan yang menghasilkan suasana misteri. Tubuh ombo' masih berada dalam keadaan terkawal dengan pernafasan yang stabil. Mata lebih banyak tertunduk manakala pergerakan hanya melibatkan jari dan pergelangan tangan.
Ha (Perkembangan)	



Transisi daripada Jo ke Ha bermula apabila ketegangan otot pada bahagian bahu, lengan dan belakang semakin jelas. Tulang belakang menjadi lebih tegak, dada dibusungkan dan kepala diangkat sebagai simbol peningkatan autoriti spiritual. Gerakan yang pada awalnya perlahan berubah menjadi lebih pantas, tangkas dan berkuasa, sementara jari yang lentik mengekalkan unsur kelembutan feminin. Perubahan postur ini memperlihatkan proses penguasaan semangat terhadap tubuh ombo' sehingga seluruh tubuh memancarkan kewibawaan seorang pemerintah wanita.

Kyū (Penutup)



Transisi ke Kyū berlaku apabila ketegangan otot mula berkurangan dan postur tubuh kembali relaks. Gerakan tangan menjadi semakin perlahan, kepala kembali tunduk dan pernafasan kembali stabil. Wajah kembali memancarkan kelembutan feminin sebelum tubuh ombo' kehilangan tenaga dan tidak sedarkan diri, menandakan semangat telah meninggalkan tubuh dan ritual disempurnakan

Putli Sejinjang

Sebagai saudara kepada Putli Santubong, Putli Sejinjang juga dihidupkan kembali dalam ritual Pemanis dengan penekanan kepada imej kewanitaan yang sopan dan santun. Vokalnya halus dan perlahan, menyerlahkan sifat seorang wanita yang lembut dan penuh kesopanan. Emosinya memperlihatkan sifat pemalu, misalnya melalui aksi menundukkan kepala atau mengelak daripada memandang terus ke arah penonton. Namun, berbeza dengan kelembutan vokal dan emosinya, gerakan tubuh yang dilakukan oleh ombo' agak agresif dan kasar. Wajahnya menampilkan ekspresi dramatik, manakala tangan dan kaki digerakkan dengan lebih bertenaga. Kontras ini menjadikan Putli Sejinjang sebagai lambang kepada konflik dalaman antara kesantunan tradisional dengan realiti ketegangan dunia sakral. Dalam konteks dramatik, pertembungan ini menambahkan lagi kedalaman makna kepada watak, menjadikannya lebih daripada sekadar lambang kelembutan, tetapi juga simbol kekuatan yang tersembunyi di sebalik keayuan.

Jadual 5

Analisis Watak Dan Perwatakan Putli Sejinjang Dalam Ritual Pemanis

Jo (Permulaan)	
	Ritual bermula dengan posisi duduk bersila sambil membaca mantra menggunakan nada yang perlahan dan lembut. Pandangan mata sentiasa tertunduk dengan ekspresi wajah yang tenang dan pemalu, menggambarkan sifat kesopanan dan kelembutan Putli Sejinjang. Keseluruhan pergerakan dilakukan secara terkawal sebagai persediaan kepada kemasukan entiti spiritual.
Ha (Perkembangan)	
	Transisi daripada Jo ke Ha berlaku melalui perubahan emosi yang jelas pada wajah dan ekspresi mata. Pandangan yang pada awalnya tunduk mula diangkat sedikit demi sedikit, diikuti perubahan pada kening, mata dan rahang yang menjadi lebih tegas. Pernafasan menjadi lebih pantas, sementara gerakan tubuh berkembang daripada perlahan kepada lebih agresif dan dramatik. Perubahan ekspresi ini memperlihatkan proses penguasaan semangat terhadap tubuh ombo', sekali gus menghasilkan pertentangan antara sifat pemalu dengan kekuatan spiritual yang mendominasi ritual.
Kyū (Penutup)	
	Transisi ke Kyū berlaku apabila ekspresi dramatik mula beransur-ansur menghilang. Pandangan mata kembali redup dan tertunduk, otot wajah menjadi lebih relaks serta gerakan tubuh semakin perlahan. Kelembutan dan sifat pemalu kembali mendominasi sebelum ombo' kehilangan tenaga dan tidak sedarkan diri, menandakan berakhirnya kehadiran entiti spiritual.

Rayang

Rayang, atau Dayang, merupakan watak wanita yang berakar daripada budaya istana Brunei. Sebagai dayang, peranannya adalah menghibur, mendampingi, dan melayani puteri atau golongan bangsawan. Dalam ritual Pemanis, Rayang ditampilkan dengan vokal halus yang menyerlahkan kelembutan. Emosinya pula tenang, seolah-olah mencerminkan sifat kesetiaan dan kehalusan budi seorang dayang istana. Wajahnya kelihatan ayu, tetapi tubuhnya bergerak penuh tenaga, menandakan gabungan dua aspek: keindahan dan keberdayaan. Dalam konteks ritual, Rayang menjadi simbol wanita yang berada di tengah-tengah hierarki sosial, tetapi tetap berfungsi sebagai pengikat keseimbangan antara bangsawan dan rakyat.

Jadual 6

Analisis Watak Dan Perwatakan Rayang Dalam Ritual Pemanis

Jo (Permulaan)	
	Ritual dimulakan dengan bacaan mantera yang lembut sambil ombo' duduk bersila dalam keadaan tenang. Kedua-dua tangan berada dalam posisi hormat berhampiran dada sebagai lambang kesetiaan dan kepatuhan seorang dayang kepada pemerintah serta alam spiritual. Pergerakan yang perlahan membentuk suasana penghormatan sebelum semangat dipanggil.
Ha (Perkembangan)	
	Transisi daripada Jo ke Ha berlaku melalui perubahan gerakan tangan dan orientasi tubuh. Kedua-dua tangan mula bergerak lebih luas mengikut rentak bacaan mantera, manakala tubuh berpusing ke beberapa arah seolah-olah memberi penghormatan kepada seluruh ruang ritual. Setiap perubahan orientasi tubuh dilakukan secara tersusun dan semakin dinamik sehingga memperlihatkan penguasaan ruang persembahan. Perubahan ini melambangkan kesetiaan, tanggungjawab dan kesediaan Rayang untuk melaksanakan peranannya apabila semangat telah menguasai tubuh ombo'.
Kyū (Penutup)	
	Transisi ke Kyū bermula apabila gerakan tangan kembali rapat ke dada dan orientasi tubuh perlahan-lahan kembali menghadap ke hadapan. Pergerakan semakin kecil, pernafasan kembali normal dan wajah memancarkan kelembutan serta ketenangan. Setelah semangat meninggalkan tubuh, ombo' kehilangan tenaga dan tidak sedarkan diri sebagai tanda ritual telah disempurnakan.

Putli Duyung

Watak siluman ini menghadirkan aspek mitologi yang kuat dalam ritual Pemanis. Putli Duyung digambarkan dengan vokal halus, perlahan, dan sukar difahami, seolah-olah menyembunyikan makna. Suara ombo' kadangkala hanya berupa dengusan atau keluhan, yang menambahkan nuansa misteri. Emosinya memperlihatkan sifat pemalu, tetapi ada juga unsur menggoda yang jelas, sesuai dengan gambaran puteri duyung dalam cerita rakyat sebagai makhluk yang mampu menawan hati manusia. Gerakan tubuh ombo' sangat dramatik: meskipun duduk bersila, ia melibas-libas kaki ke lantai, seolah-olah menggambarkan gerakan ekor ikan. Rambutnya dibelai-belai, menegaskan sensualiti seorang wanita laut. Gerakan besar dan kasar ini melambangkan sifat haiwani yang bercampur dengan keanggunan manusia. Watak Putli Duyung membawa mesej bahawa kewanitaan tidak hanya dikaitkan dengan

kelembutan, tetapi juga daya tarik yang boleh mendatangkan bahaya. Ia adalah simbol ambivalensi feminin dalam imaginasi masyarakat Kagayan.

Jadual 7

Analisis Watak Dan Perwatakan Putli Duyung Dalam Ritual Pemanis

Jo (Permulaan)	
	Ritual dimulakan dengan bacaan mantra yang perlahan dan bernada misteri. Tubuh ombo' berada dalam keadaan terkawal dengan gerakan yang minimum, manakala ekspresi wajah memperlihatkan sifat pemalu tetapi mempesonakan. Pernafasan yang stabil dan gerakan tangan yang lembut membentuk suasana ritual yang tenang sebelum berlakunya proses trans.
Ha (Perkembangan)	
	Transisi daripada Jo ke Ha berlaku melalui ayunan pinggang yang semakin ketara, diikuti oleh libasan kaki, putaran badan dan belaian rambut yang dilakukan secara berulang. Gerakan yang pada awalnya kecil berkembang menjadi lebih luas dan dramatik sehingga menguasai ruang persembahan. Kepala mula diangkat dan pandangan mata menjadi lebih jauh, seolah-olah berinteraksi dengan alam spiritual. Perubahan ini memperlihatkan kemasukan semangat Putli Duyung ke dalam tubuh ombo', sekali gus melambangkan kekuatan dan misteri alam laut.
Kyū (Penutup)	
	Transisi ke Kyū berlaku apabila ayunan pinggang semakin perlahan, libasan kaki semakin berkurangan dan belaian rambut dihentikan sedikit demi sedikit. Kepala kembali tertunduk, pernafasan kembali stabil dan tubuh kehilangan tenaga sebelum ombo' perlahan-lahan tidak sedarkan diri. Penurunan intensiti ini menandakan semangat telah meninggalkan tubuh dan ritual mencapai penyempurnaan

Rattu Pantai Selatan

Rattu Pantai Selatan, atau Nyi Roro Kidul dalam legenda Jawa, hadir dengan imej kewanitaannya yang penuh kuasa. Vokalannya halus tetapi jarang kedengaran, seolah-olah bisikan dari dunia ghaib. Emosinya tenang, mencerminkan kewibawaan seorang ratu laut yang disegani. Gerakan tubuhnya kasar, dengan raut wajah yang tegas dan pergerakan tubuh yang berwibawa. Namun, sisi kelembutannya tetap dapat dikesan melalui ekspresi halus dalam wajah dan jemari. Ombo' menampilkan watak ini dengan aura karismatik, yang menggabungkan sifat seorang penguasa dan wanita berdaya tarik. Dalam ritual Pemanis, Rattu Pantai Selatan menjadi simbol keseimbangan antara kuasa dan kelembutan. Ia memperlihatkan bagaimana

kewanitaan dapat merentasi sempadan dunia manusia dan alam ghaib, sekali gus meneguhkan peranan wanita sebagai penjaga ruang kosmos.

Jadual 8

Analisis Watak Dan Perwatakan Rattu Pantai Selatan Dalam Ritual Pemanis

Jo (Permulaan)	
	Ritual dimulakan dengan bacaan mantra yang sangat perlahan sehingga hampir tidak kedengaran. Ombo' duduk bersila dengan pandangan mata tertunduk, suara yang lembut dan postur tubuh yang terkawal, sekali gus membentuk aura kewibawaan seorang pemerintah alam ghaib. Fasa ini menjadi persediaan sebelum kemunculan kuasa spiritual.
Ha (Perkembangan)	
	Transisi daripada Jo ke Ha berlaku melalui perubahan kawalan pandangan mata, nada suara dan penguasaan ruang persembahan. Pandangan mata yang pada awalnya tertunduk mula diangkat dengan tatapan yang tajam dan penuh keyakinan. Nada suara berubah menjadi lebih lantang dan tegas, sementara tubuh bergerak mengelilingi ruang ritual dengan langkah yang mantap dan berautoriti. Dominasi terhadap ruang persembahan ini memperlihatkan bahawa semangat Rattu Pantai Selatan telah menguasai tubuh ombo', sekali gus menyerlahkan simbol kekuasaan seorang pemerintah lautan.
Kyū (Penutup)	
	Transisi ke Kyū bermula apabila nada suara kembali perlahan dan pandangan mata yang tajam semakin redup. Gerakan tubuh yang sebelum ini menguasai ruang menjadi semakin kecil dan terkawal, sebelum ombo' kembali ke posisi asal. Pernafasan menjadi stabil, wajah kembali tenang dan tubuh kehilangan tenaga apabila semangat meninggalkan jasadnya. Ombo' akhirnya tidak sedarkan diri, menandakan berakhirnya ritual serta pemulihan keseimbangan antara alam manusia dan alam spiritual

PERBINCANGAN

Kajian ini memperlihatkan bahawa ritual Pemanis masyarakat Kagayan bukan sekadar amalan spiritual tradisional, tetapi merupakan sebuah sistem persembahan budaya yang sarat dengan simbolisme, struktur dramatik, dan representasi gender. Berdasarkan analisis terhadap watak-watak wanita yang dimainkan oleh ombo' lelaki, dapatan kajian menunjukkan bahawa tubuh ritual berfungsi sebagai medium utama dalam membentuk hubungan antara dunia manusia, alam spiritual, dan struktur sosial komuniti. Dalam konteks ini, representasi feminin dalam ritual tidak boleh difahami secara literal sebagai peniruan wanita semata-mata, tetapi perlu dilihat sebagai simbol budaya yang mengandungi fungsi spiritual, estetika, dan kosmologi.

Dari sudut performativiti gender, dapatan kajian menyokong pandangan Butler (1990) bahawa gender merupakan sesuatu yang dibentuk melalui tindakan performatif dan pengulangan simbolik, bukannya identiti tetap yang ditentukan oleh biologi. Dalam ritual Pemanis, ombo' lelaki tidak berusaha menjadi wanita secara realistik, sebaliknya menampilkan unsur feminin melalui kelembutan vokal, ekspresi wajah, gerakan tubuh, dan emosi ritual. Proses ini menunjukkan bahawa identiti feminin dalam ritual berfungsi sebagai simbol representasi kepada kesuburan, perlindungan, kelembutan, dan keseimbangan kosmos. Dengan kata lain, tubuh ombo' menjadi ruang liminal yang menghubungkan maskuliniti biologikal dengan simbolisme feminin ritual.

Keadaan ini mempunyai persamaan dengan konsep onnagata dalam teater Kabuki Jepun yang dibincangkan oleh Brandon (1997), di mana pelakon lelaki memainkan watak wanita bukan untuk meniru identiti biologikal wanita, tetapi bagi menghasilkan bentuk estetika feminin yang ideal dan simbolik. Walau bagaimanapun, dalam konteks ritual Pemanis, representasi feminin mempunyai dimensi spiritual yang lebih dominan berbanding estetika teater semata-mata. Watak wanita dalam ritual ini berfungsi sebagai medium penghubung antara manusia dengan kuasa ghaib, sekali gus memperlihatkan bahawa tubuh persembahan dalam ritual mempunyai fungsi kosmologi yang lebih mendalam.

Selain itu, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa simbol feminin dalam ritual Pemanis sering dibina melalui gabungan dua unsur yang saling bertentangan, iaitu kelembutan dan kekuatan. Watak seperti Putli Santubong, Putli Gunung Ledang, dan Rattu Pantai Selatan memperlihatkan kelembutan melalui suara halus, ekspresi tenang, dan sifat pemalu, namun pada masa yang sama menampilkan gerakan tubuh yang agresif, tegas, dan penuh intensiti. Pertentangan ini menunjukkan bahawa konsep kewanitaan dalam masyarakat Kagayan tidak dilihat sebagai simbol kelemahan, tetapi sebagai kuasa spiritual yang mampu melindungi keseimbangan komuniti dan ruang ritual. Dapatan ini selari dengan pandangan Turner (1982) bahawa ritual mengandungi simbol berlapis yang membentuk pengalaman dramatik dan transformasi sosial dalam komuniti.

Dalam konteks dramatik pula, penggunaan kerangka Jo-Ha-Kyū berjaya memperlihatkan bahawa ritual Pemanis mempunyai struktur persembahan yang tersusun dan berkembang secara progresif. Pada fasa Jo, watak-watak wanita diperkenalkan secara perlahan melalui vokal lembut, gerakan terkawal, dan suasana sakral yang membina hubungan awal antara ruang ritual dengan komuniti. Fasa ini penting kerana ia berfungsi sebagai proses persediaan emosi dan spiritual sebelum ritual memasuki tahap dramatik yang lebih intensif. Keadaan ini selari dengan pandangan Zeami (1984) bahawa Jo berfungsi sebagai pembukaan yang tenang bagi menyediakan penonton kepada perkembangan dramatik seterusnya.

Pada tahap Ha, intensiti ritual semakin meningkat melalui perubahan gerak tubuh, ekspresi emosi, dan tenaga persembahan yang lebih agresif. Dalam ritual Pemanis, perkembangan ini dapat dilihat melalui

gerakan tubuh kasar, perubahan mimik wajah, dan peningkatan dramatik dalam interaksi ritual. Walaupun unsur feminin masih dikekalkan, tubuh ombo' mula memperlihatkan autoriti spiritual dan kuasa simbolik yang lebih dominan. Dalam konteks ini, tubuh ritual tidak lagi berfungsi sekadar sebagai representasi feminin, tetapi menjadi medium transformasi spiritual yang menghubungkan dunia manusia dengan alam ghaib. Situasi ini menyokong pandangan Kapferer (2005) bahawa ritual merupakan ruang performatif yang menggabungkan realiti sosial dan pengalaman simbolik melalui tubuh dan tindakan dramatik.

Fasa Kyū pula memperlihatkan pengembalian kepada keseimbangan dan keharmonian selepas intensiti dramatik mencapai kemuncaknya. Dalam ritual Pemanis, penutup ritual ditandai dengan perubahan emosi yang kembali lembut, gerakan tubuh yang semakin perlahan, serta ekspresi syukur dan ketenangan. Fasa ini penting kerana ia melambangkan pemulihan keseimbangan kosmos dan penyempurnaan hubungan antara manusia dengan kuasa spiritual. Struktur ini menunjukkan bahawa ritual Pemanis mempunyai ritma dramatik yang hampir menyerupai struktur persembahan tradisional Asia lain, sekali gus membuktikan bahawa prinsip Jo-Ha-Kyū bersifat universal dan boleh diaplikasikan dalam konteks ritual pribumi Borneo.

Dapatan kajian juga memperlihatkan bahawa ritual Pemanis berfungsi sebagai ruang perundingan identiti budaya masyarakat Kagayan. Dalam keadaan masyarakat tradisional yang semakin berdepan dengan arus modeniti dan perubahan sosial, ritual ini menjadi medium penting untuk mengekalkan memori kolektif, nilai adat, dan hubungan komuniti dengan warisan leluhur. Hal ini selari dengan pandangan UNESCO (2003) bahawa warisan budaya tidak ketara perlu dipelihara kerana ia mengandungi identiti dan sistem pengetahuan sesebuah masyarakat. Sekiranya dimensi simbolik dan dramatik ritual diabaikan, ritual tersebut berisiko kehilangan makna asal dan akhirnya hanya tinggal sebagai bentuk persembahan kosong tanpa nilai budaya yang mendalam.

Dari sudut sumbangan teoritik, kajian ini memperluas aplikasi kerangka Jo-Ha-Kyū ke dalam konteks ritual pribumi Borneo yang sebelum ini kurang diberikan perhatian dalam kajian persembahan Asia. Kajian ini juga menyumbang kepada perbahasan tentang performativiti gender dalam ritual dengan menunjukkan bahawa identiti feminin dalam konteks budaya tradisional bersifat fleksibel, simbolik, dan transformatif. Selain itu, kajian ini membuktikan bahawa ritual tradisional boleh dianalisis bukan sahaja sebagai amalan spiritual, tetapi juga sebagai sistem dramatik yang mengandungi struktur naratif, estetika persembahan, dan simbolisme budaya yang kompleks.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini memperlihatkan bahawa ritual Pemanis masyarakat Kagayan merupakan satu bentuk persembahan budaya yang menghubungkan tubuh, spiritualiti, gender, dan kosmologi dalam satu struktur dramatik yang tersusun. Watak wanita yang dimainkan oleh ombo' lelaki bukan sahaja menjadi simbol estetika ritual, tetapi turut berfungsi sebagai mekanisme budaya yang mengekalkan keseimbangan spiritual dan identiti kolektif masyarakat Kagayan di Sabah.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa ritual Pemanis masyarakat Kagayan di Sabah bukan sekadar amalan spiritual tradisional, tetapi merupakan sebuah sistem persembahan budaya yang sarat dengan estetika dramatik dan simbolisme gender. Melalui analisis terhadap watak-watak wanita yang dimainkan oleh ombo' lelaki, kajian ini memperlihatkan bahawa representasi feminin dalam ritual tidak berfungsi sebagai peniruan gender biologi semata-mata, sebaliknya sebagai simbol performatif yang menghubungkan tubuh, spiritualiti, dan keseimbangan sosial komuniti. Tubuh ombo' menjadi ruang liminal yang membolehkan identiti feminin dimanifestasikan secara simbolik melalui vokal, gerak tubuh, emosi, dan ekspresi ritual.

Pengaplikasian kerangka Jo-Ha-Kyū turut membuktikan bahawa ritual Pemanis mempunyai struktur dramatik yang tersusun dan berkembang secara progresif. Fasa Jo memperlihatkan pembukaan yang sakral dan terkawal, Ha menampilkan peningkatan intensiti emosi dan transformasi tubuh ritual, manakala Kyū membawa ritual kembali kepada keseimbangan dan keharmonian kosmos. Struktur ini memperlihatkan bahawa ritual pribumi Sabah memiliki nilai estetika persembahan yang setara dengan tradisi dramatik Asia lain, sekali gus memperluaskan aplikasi teori Jo-Ha-Kyū ke dalam konteks budaya Borneo.

Kajian ini juga memperlihatkan bahawa simbol feminin dalam ritual Pemanis dibina melalui gabungan kelembutan dan kekuatan. Watak-watak seperti Putli Santubong, Putli Gunung Ledang, dan Rattu Pantai Selatan menggambarkan bahawa kewanitaan dalam masyarakat Kagayan bukan lambang kelemahan, tetapi tenaga spiritual yang berfungsi melindungi keseimbangan komuniti dan ruang ritual. Dapatan ini secara tidak langsung mengukuhkan pandangan bahawa gender dalam konteks ritual bersifat fleksibel, simbolik, dan transformatif.

Dari sudut sumbangan ilmiah, kajian ini menyumbang kepada pengembangan kajian ritual pribumi Sabah dengan menggabungkan pendekatan performativiti gender dan estetika dramatik dalam satu kerangka analisis yang holistik. Kajian ini turut membuka ruang baharu dalam penyelidikan seni persembahan Asia Tenggara, khususnya berkaitan hubungan antara tubuh ritual, simbolisme budaya, dan struktur dramatik tradisional. Selain itu, dokumentasi ritual Pemanis juga penting dalam usaha pemeliharaan warisan budaya tidak ketara masyarakat Kagayan agar tradisi ini terus difahami, diwarisi, dan dihargai oleh generasi akan datang.

Secara keseluruhannya, ritual Pemanis memperlihatkan bahawa seni ritual tradisional bukan sahaja menjadi medium hubungan manusia dengan alam spiritual, tetapi juga menjadi ruang budaya yang mengekalkan identiti, memori kolektif, dan keseimbangan kosmos masyarakat Kagayan di Sabah.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Editorial AHJMM, Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM dan mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan proses penerbitan makalah ini.

PENDANAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

SUMBANGAN PENGARANG

Kesemua bahagian dalam penulisan ini dihasilkan secara bersama oleh ketiga-tiga penulis makalah. Semua penulis telah membaca dan bersetuju dengan versi manuskrip yang diterbitkan.

PERISYTIHARAN KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan bagi penyelidikan ini dan tiada potensi konflik kepentingan berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, atau penerbitan artikel ini.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

RUJUKAN

- Abdul Aziz, M. (2018). *Ritual and performance in Sabah indigenous communities*. UMS Press. Austin, J. L. (1962). *How to Do Things with Words*. Oxford University Press.
- Butler, J. (1990). *Gender Trouble: Feminism and the Subversion of Identity*. Routledge.
- Butler, J. (1993). *Bodies That Matter: On the Discursive Limits of "Sex"*. Routledge.
- Brandon, J. R. (1997). *Theatre in Southeast Asia*. Harvard University Press.
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches* (4th ed.). Sage.
- Geertz, C. (1973). *The Interpretation of Cultures*. Basic Books.
- Hammersley, M., & Atkinson, P. (2019). *Ethnography: Principles in Practice* (4th ed.). Routledge.
- Kapferer, B. (2005). *The Feast of the Sorcerer: Practices of Consciousness and Power*. University of Chicago Press.
- Mashor Awang Long. (2019). *Jo-Ha-Kyū : Analisis Watak dan Perwatakan dalam Ritual Palmanis Masyarakat Etnik Kagayan di Sabah*. [Tesis Sarjana]. Universiti Malaysia Sabah (UMS).
- Mohd Kipli Abdul Rahman. (2018). *Berasik Ritual Performance of the Bajau/Sama': An Embodiment of Spiritual Characters*. Asian Journal of Education and Training, 4(3), 212–220
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative Research & Evaluation Methods* (4th ed.). Sage.
- Rahman, H. (2016). Rituals of the Bajau in Sabah: A cultural continuity. *Journal of Borneo Studies*, 2(2), 145–168.
- Schechner, R. (1985). *Between Theater and Anthropology*. University of Pennsylvania Press.
- Schechner, R. (1993). *The Future of Ritual: Writings on Culture and Performance*. Routledge.
- Schechner, R. (2003). *Performance Theory* (Rev. ed.). Routledge.
- Schechner, R. (2013). *Performance Studies: An Introduction* (3rd ed.). Routledge.
- Suzuki, T. (2002). *The Way of Acting: The Theatre Writings of Tadashi Suzuki*. Theatre Communications Group.
- Turner, V. (1969). *The Ritual Process: Structure and Anti-Structure*. Aldine Publishing.
- Turner, V. (1982). *From Ritual to Theatre: The Human Seriousness of Play*. PAJ Publications.
- Turner, V. (1987). *The Anthropology of Performance*. PAJ Publications.
- UNESCO. (2003). *Convention for the safeguarding of the intangible cultural heritage*. Paris: UNESCO.
- West, C., & Zimmerman, D. H. (1987). Doing gender. *Gender & Society*, 1(2), 125–151.
- Zeami. (1984). *On the Art of the Nō Drama: The Major Treatises of Zeami* (J. T. Rimer & M. Yamazaki, Trans.). Princeton University Press.